

04 DEC 1999

Mahathir-LIMA

LIMA GALAKKAN MINAT DALAM BIDANG AEROANGKASA, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 4 Dis (Bernama) -- Siri Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) berkembang maju sejak beberapa tahun lepas dan menggalakkan minat dalam bidang aeroangkasa di kalangan rakyat Malaysia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata terdapat minat yang besar dalam bidang itu di kalangan belia negara, yang kini berminat dalam penerbangan serta membina pesawat ujian mereka sendiri.

"Industri aeroangkasa juga telah membangun ke satu tahap di mana kami boleh mengeluarkan alat ganti sayap, mempunyai keupayaan memanjangkan rangka pesawat, mempunyai kapasiti melakukan kerja reka bentuk serta membangunkan simulator sendiri," katanya pada persidangan berita di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, di sini.

"Kami tidak boleh membina pesawat yang besar tetapi kami boleh memainkan peranan dalam rekabentuk, pembinaan dan kejuruteraan pesawat yang pelbagai saiz... pembangunan industri aeroangkasa ini lebih cepat daripada yang saya sangka," katanya.

Beliau berkata LIMA telah banyak membantu dalam memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia mengenai penerbangan, pesawat, kejuruteraan dan pembinaan pesawat.

Perdana Menteri juga berkata bahawa dengan peningkatan ekonomi negara, kerajaan akan memberi lebih banyak peruntukan bagi pembangunan industri aeroangkasa.

Penyertaan Malaysia pada pameran LIMA'99 juga semakin signifikan kerana semua bersatu ke satu tempat untuk menunjukkan keupayaan Malaysia, kata Dr Mahathir said.

Pemindahan teknologi dan usahasama antara syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa juga telah meningkat sejak pameran LIMA pertama diadakan pada 1991, kata beliau.

Pameran enam hari itu, yang menarik kira-kira 1,000 syarikat tempatan, serantau dan antarabangsa, dibahagikan kepada dua segmen -- segmen maritim anjuran HW LIMA dan segmen aeroangkasa yang dikendalikan oleh LIMA Le Proton.

Dr Mahathir, yang berada di Langkawi sejak pembukaan rasmi LIMA pada Rabu lepas, dijadualkan ke Alor Setar esok.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dijadualkan menutup LIMA '99 esok.

-- BERNAMA

TM GM NAK